

| | | | |
|-------------|---|--------------|---------------------------|
| Headline | Tanggungjawab mengisi kelangsungan merdeka | Language | Malay |
| Date | 31 Aug 2010 | Page No | 26 |
| MediaTitle | Berita Harian | Article Size | 431 cm² |
| Section | Nasional | Color | Black/white |
| Journalist | N/A | ADValue | 12,207 |
| Frequency | Daily | PRValue | 36,620 |
| Circ / Read | 192,982 / 1,521,000 | | |



Tanggungjawab mengisi kelangsungan merdeka

Pernyataan taat, setia perlu ditonjol dengan perlakuan elok

SALAM merdeka kepada semua masyarakat Malaysia sempena menyambut hari penuh bermakna hari ini, iaitu hari kemerdekaan Tanah Melayu. Hari ini juga menjadi hari yang amat bermakna dan hari penuh bersejarah kerana secara rasmi penjajah yang sudah beratus-ratus tahun berada di Tanah Melayu ini harus pulang ke negara mereka selepas Union Jack yang sudah lama sekian berkibar di Tanah Melayu diturunkan secara rasmi.

Pada hari ini juga dokumen perjanjian kemerdekaan Tanah Melayu yang ditandatangani pada 31 Ogos 1957 berkuat kuasa. Peristiwa ini amat penting kerana Tanah Melayu atau Malaya sudah menjadi sebuah negara merdeka dan berdaulat yang membolehkan namanya dicatat di atas peta dunia.

Kemerdekaan Malaya sudah dicatat dan dialu-alukan di dalam akhbar dunia. Akhbar *New York Times* Amerika Syarikat keluaran 31 Ogos 1957 dalam ruangan rencana pengarang menyebut antara lain, "...kerajaan baru ini adalah satu perkara yang unik (luar biasa) di dalam politik. Ia adalah sebuah kerajaan Raja yang berperlembagaan dengan keadaan Raja dipilih dan dihadkan tempoh pemerintahannya selama lima tahun." Sementara itu, rencana pengarang *Washington Post* juga memberi pengiktirafan yang sama kepada Tanah Melayu.

Perayaan kemerdekaan yang dimulakan pada 29 Ogos 1957 hanya berakhir pada 9 September 1957. Saya tidak dapat bayangkan gembiranya datuk nenek dan moyang-moyang kita ketika mereka melaungkan perkataan Merdeka! Merdeka! Merdeka! 53 tahun dulu. Bak kata Tunku Abdul Rahman dalam ucapannya kemerdekaannya "Inilah ketika yang sehabis besar ertiannya kepada umat Malaya... lahirlah sebuah negara baru, satu bangsa yang akan berdiri bebas dan merdeka".

Sebagai tanda kesyukuran atas kemerdekaan itu Tunku mengajak seluruh warga Malaya untuk memanjatkan kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wataala bagi orang Islam dan tuhan bagi penganut agama lain dengan membuat upacara keagamaan bagi setiap rakyat menurut kepercayaan masing-masing.

| | | | |
|-------------|---|--------------|---------------------------|
| Headline | Tanggungjawab mengisi kelangsungan merdeka | Language | Malay |
| Date | 31 Aug 2010 | Page No | 26 |
| Media Title | Berita Harian | Article Size | 431 cm² |
| Section | Nasional | Color | Black/white |
| Journalist | N/A | ADValue | 12,207 |
| Frequency | Daily | PRValue | 36,620 |
| Circ / Read | 192,982 / 1,521,000 | | |

Kemerdekaan Tanah Melayu sudah dicapai selepas pejuang kemerdekaan berjaya mengharungi pelbagai dugaan dan cabaran, walaupun bukan melalui pertumpahan darah. Kemerdekaan ini bukanlah sesuatu yang mudah diperoleh, ia bukanlah buah yang senang untuk dipetik.

Kemerdekaan dicapai dengan perjuangan dan pengorbanan yang berperingkat rakyat terdahulu yang mengerti pahit getir dan perit hidup di bawah penjajahan. Semua mereka bergembira dan menghargai kemerdekaan, kecuali sebahagian kecil yang khayal dengan kemewahan dan kesenangan menjadi tali barut penjajah.

Di dalam ucapan kemerdekaannya juga Tunku menyatakan bahawa kemerdekaan Malaya sudah dicapai melalui 'jalan Perlembagaan dan damai, dengan rasa muhibah, bersefahaman dan mempercayai antara satu sama lain.'

Ia amat istimewa kerana kemerdekaan dicapai dengan mengetepikan perselisihan di antara ketiga-tiga bangsa yang mewarnai keunikan Tanah Melayu. Dengan semangat ketiga-tiga kaum utama ini untuk bersatu, kemerdekaan itu melahirkan satu bangsa baru dan sebuah negara baharu yang berdaulat.

Saya percaya, walaupun banyak peristiwa yang sudah mencemari bulan kemerdekaan kita pada tahun ini, termasuk perbuatan rakyat asing atau rakyat negara ini sendiri yang tergemarkan menoda kehormatan negara, semangat menyambut hari merdeka kebanyakannya rakyat Malaysia masih lagi utuh.

Apapun, pernyataan keutuhan semangat merdeka rakyat Malaysia perlu diperbaiki. Pernyataan taat dan setia pada negara perlu diserlahkan dengan perlakuan yang elok, tertib dan terhormat. Ia perlu dinyatakan dengan jelas dan janganlah sesekali dengan cara tercemar.

Tanggungjawab mengisi dan menjaga

kemerdekaan ini terletak dibahu rakyatnya. Kemerdekaan bukanlah sesuatu yang hanya diraikan dengan cuti umum dan pesta kemerdekaan yang lain. Ia adalah tanggungjawab selepas menerima kembali kuasa untuk mendirikan dan sebenarnya tanggungjawab yang terletak di atas bahu setiap rakyat negara ini.

Walau saya percaya dan menerima kenyataan bahawa perjuangan mencapai kemerdekaan amat sukar dilakukan oleh mereka yang terdahulu, namun, tanggungjawab mengisi dan menjaga kelangsungan kemerdekaan ini juga tidak kurang sukarinya.

Cabarannya semasa yang dialami masyarakat Malaysia yang merdeka bukan saja dari luar negara, tetapi juga dari dalam negara ini sendiri. Cabaran dalam, terutama cabaran politik dan perpaduan antara kaum yang dominan amatlah sukar untuk dihadapi.

Sejak daripada mula merdeka hingga ke hari ini, kedua-dua perkara (politik dan perpaduan) ini kekal menjadi isu yang tidak lekang dek panas dan tidak lapuk dek hujan, ia sentiasa hangat diperkata.

Tiada formula khusus yang kita boleh pelajari dari negara lain kerana keadaan fabrik masyarakat Malaysia amat berbeza. Apa yang baik untuk negara lain, belum tentu lagi formula terbaik untuk negara ini.

Oleh itu, hanya masyarakat Malaysia yang tahu apa sebaiknya untuk Malaysia. Berbekalkan kesetiaan kepada negara dengan mengambil iktibar apa juga peristiwa yang melanda negara, saya percaya, pengisian kemerdekaan dapat dibuat dengan sempurna serta dapat mencapai objektif penubuhan negara ini, iaitu menjadi sebuah negara berdaulat yang mempunyai perpaduan yang jitu, masyarakat demokrasi dan adil serta mempunyai nilai tradisi tersendiri dan masyarakat progresif dari segi pembangunan dan teknologi.

Sebagai pengakhiran bicara sempena

menyambut hari merdeka ini, sama-sama kita hayati ucapan Tunku sempena hari bersejarah ini:

"Sedialah mempertahankan negeri ini dengan nyawa kamu. Kamu dan saya juga mestilah berazam dan berikrar hendak menjadikan Malaya ini satu tempat yang boleh dimuliakan sebagai tanah air kita. Tanggungan kita sungguh berat masa hadapan. Marilah bersama-sama kita memikulnya."



*Hanya
masyarakat*

*Malaysia yang tahu apa
sebaiknya untuk Malaysia.
Berbekalkan kesetiaan
kepada negara dengan
mengambil iktibar apa juga
peristiwa melanda negara,
saya percaya, pengisian
kemerdekaan dapat dibuat
dengan sempurna serta
dapat mencapai objektif
penubuhan negara ini ..."*

Penulis ialah Penolong Profesor Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

